

0401

U 0575 BAH

MAHATHIR - TERANG BULAN

KUALA LUMPUR, SEPT 8 (BERNAMA) -- IRAMA LAGU TERANG BULAN YANG AKHIRNYA MENJADI LAGU NEGARAKU MERUPAKAN IRAMA LAGU LAMA DI KEPULAUAN SEYCHELLES DI LAUTAN HINDI SEJAK ZAMAN BERZAMAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SEORANG SEJARANAN TEMPATAN TELAH MENULIS SURAT KEPADA GABENOR SEYCHELLES MENGENAI ABAL-USUL LAGU TERANG BULAN.

APABILA LAGU ITU DISIARKAN DI KEPULAUAN ITU OLEH GABENOR ITU, BANYAK ORANG DI SANA BERKATA BAHAWA IA MERUPAKAN SEBUAH LAGU LAMA DI PULAU ITU YANG BERJODOL +ROSALIE+, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

PERDANA MENTERI SINGGAH DI KEPULAUAN ITU DALAM PERJALANAN PULANG SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK KELAPAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI DI HARARE.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ROMBONGANNYA JUGA BERJAYA MENDAPATKAN DOKUMEN DARIPADA ARKIB SEYCHELLES MENGENAI SULTAN ABDULLAH DARI PERAK YANG DIBUANG OLEH PENJAJAH BRITISH KE KEPULAUAN ITU PADA ABAB KE-18 BERSABIT DENGAN PEMBUNUHAN J.W.W BIRCH. -- LAGI 1600MST 08 09 86

0412

U 0576 BAH

MAHATHIR - TERANG BULAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA ADA KEMUNGKINAN PENGIKUT-PENGIKUT SULTAN ITU TERUS MENETAP DI PULAU ITU TETAPI KETURUNAN MEREKA TIDAK DAPAT DICAMKAN KERANA BERCAMPUR DENGAN ORANG TEMPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KONONNYA APABILA SULTAN ABDULLAH DIBAWA KE LONDON DAN DITANYA APAKAH LAGU KEBANGSAAN NEGERI PERAK, SULTAN ITU MEMBERIKAN LAGU +ROSALIE+.

LAGU ITU KEMUDIAN MENJADI LAGU KEBANGSAAN NEGERI PERAK DAN SELEPAS ITU MENJADI LAGU KEBANGSAAN NEGARA, KATA BELIAU. -- BERNAMA 1619MST 08 09 86